

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN JURURAWAT

1. SKIM PERKHIDMATAN

Jururawat Gred U29, U32, U36, U41/U42, U44, U48, U52, U54.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai Jabatan/ Agensi Kerajaan.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan tugas perawatan dan penjagaan pesakit, pendidikan dan promosi kesihatan, pengawalan dan keselamatan pesakit, peralatan dan ubat-ubatan yang digunakan serta tugas-tugas pengurusan, perancangan, latihan dan penyelidikan bagi meningkat dan mengawal mutu perkhidmatan kejururawatan.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Jururawat Gred U29

4.1.1 Aktiviti Spesifik

- a. Rawatan Am - melaksanakan tugas rawatan pesakit mengikut pelan tindakan perawatan.
- b. Memantau tugas rawatan terhadap pesakit.
- c. Mendokumenkan kemajuan rawatan dan laporan tentang perkara luar biasa/ kesan sampingan kepada pegawai berkaitan.
- d. Memberi perhatian kepada keperluan khas yang merangkumi aspek fizikal dan psikososial pesakit.
- e. Memberi ubat-ubatan dan suntikan yang diarahkan mengikut masa yang ditetapkan, mengambil perhatian tentang tindak balas serta mengambil tindakan sewajarnya.
- f. Memberi orientasi kepada pesakit yang baru masuk.

- g. Melaksanakan pendidikan kesihatan mengikut keperluan pesakit.
- h. Melaksanakan *discharge care plan*, menghidang, melayan, membantu pesakit makan dan menentukan keperluan khas makanan pesakit ditepati dan perlu dicatat dalam cartaimbangan pesakit.
- i. Memastikan pesakit yang menerima aliran intravena perlu menepati regim mengikut arahan.
- j. Merekod cartaimbangan dan membuat pemerhatian bagi mengenal pasti keadaan luar biasa.
- k. Bertanggungjawab memberi rawatan kecemasan/ segera kepada pesakit tenat sebelum ketibaan doktor.
- l. Mengambil, mencatat dan menaksir pemerhatian penting termasuk *vital signs* dan melaporkan dengan segera jika terdapat keadaan luar biasa.
- m. Menyediakan pesakit untuk tatacara tertentu.
- n. Membantu doktor semasa menjalankan pemeriksaan terhadap pesakit.
- o. Membuat persediaan untuk *round* doktor dan memberi maklumat tentang pemerhatian, kemajuan pesakit, reaksi ubat-ubatan dan sebagainya.
- p. Mengambil dan mengumpul contoh ujian makmal mengikut prosedur yang ditetapkan dan melaporkan kepada doktor jika ada keadaan luar biasa.

4.1.2 Aspek Pengawasan dan Pengawalan

- a. Memastikan perawatan yang diberi selamat dan terkawal serta alat kelengkapan dibersihkan selepas digunakan dan disimpan dalam keadaan baik dan siap sedia.
- b. Mengawasi kaedah pengawalan jangkitan dan teknik pengasingan diamalkan dengan betul.
- c. Ubat-ubatan/ suntikan mengikut DNA dikendalikan mengikut peraturan yang ditetapkan.

4.1.3 Pengawalan Kualiti

- a. Menjalankan perkhidmatan perawatan mengikut piawai yang ditetapkan.
- b. Menentukan dokumentasi dan pengumpulan data dijalankan dengan tepat dan mengambil langkah untuk memperbaiki perkhidmatan.

4.1.4 Promosi Kesihatan

- a. Menggalakkan penyusuan ibu di klinik *antenatal*, wad bersalin dan *postnatal*.
- b. Mendidik pesakit mengenai penjagaan kesihatan yang berhubung kait dengan penyakit mereka seperti diabetes, tekanan darah tinggi, kegemukan dan sebagainya.

4.1.5 Aspek Keselamatan

- a. Jururawat perlu sentiasa mengawasi keselamatan pesakit dan memastikan pesakit berada di dalam wad.
- b. Memastikan pelawat tidak memasuki wad tanpa urusan.
- c. Memastikan bayi/ kanak-kanak diserahkan kepada ibu/ bapa/ penjaga yang sah.

4.2 Jururawat Gred U32

4.2.1 Rawatan Awam

- a. Mengenal pasti dan menaksir perawatan holistik untuk setiap pesakit.
- b. Berbincang bersama dengan ahli pasukan perawatan mengenai pelan rawatan yang sesuai untuk pelanggan secara individu.
- c. Melaksanakan rawatan yang dirancang dengan tepat dan berkesan.
- d. Menilai semula tahap pencapaian perawatan yang diberi.
- e. Mendokumentasikan semua tindakan perawatan untuk menentukan kesinambungan perawatan pesakit.
- f. Memberi input kejururawatan semasa lawatan klinikal.

- g. Memeriksa dan menyemak nota/ laporan pesakit untuk memastikan pelan perawatan yang dijalankan seperti yang dirancang.

4.2.2 Kawalan Infeksi Hospital

- a. Melaksanakan dan mengamalkan prinsip kawalan infeksi semasa menjalankan rawatan.
- b. Memantau kadar infeksi serta mengambil tindakan *Corrective, Preventive Measures* dengan mengambil contoh spesimen untuk kajian/ penyelidikan dari semasa ke semasa.
- c. Menkuatkuasakan amalan *Universal Precaution*.

4.2.3 Penentuan dan Kawalan Kualiti (*Quality Assurance*)

- a. Mengimplementasikan QA kejururawatan kebangsaan.
- b. Mengenal pasti indikator QA HAS melalui taksiran kehendak pelanggan dan pendekatan kejururawatan (*Nursing Approach*).
- c. Mendokumentasikan semua kajian/ penyelidikan.

4.2.4 Pengawasan Peralatan dan Ubatan

- a. Memeriksa dan memastikan semua peralatan perubatan dan bukan perubatan berfungsi dengan sempurna setiap masa serta bekalan ubat-ubatan mencukupi.

4.3 Jururawat Gred U36

4.3.1 Rawatan Pelanggan

- a. Berbincang dan merancang bersama dengan pakar klinik mengenai perawatan pelanggan dan juga perkembangan kerjaya warga kerja kejururawatan.
- b. Merancang dan melaksanakan perawatan secara *holistik* mengikut tahap perawatan yang diperlukan oleh setiap pelanggan (*individualized care*).
- c. Memantau perancangan perawatan pelanggan mengikut pelan perawatan.

- d. Menilai semula taraf kesihatan pelanggan untuk memastikan matlamat perawatan tercapai dan mengemas kini rancangan perawatan apabila perlu.
- e. Memberikan tunjuk ajar kepada warga kerja dalam menjalankan pelan perancangan yang sesuai mengikut keperluan pelanggan secara individu.
- f. Memastikan semua tindakan perawatan didokumentasi untuk menentukan kesinambungan perawatan.
- g. Mengambil bahagian serta memberi input kejururawatan semasa lawatan Pakar Klinikal.
- h. Menjalankan *Nursing Round* untuk menilai tahap kesihatan pesakit.

4.3.2 Pengawalan Peralatan dan Ubat-ubatan

- a. Memastikan peralatan dalam keadaan baik serta berfungsi dan sedia untuk digunakan.
- b. Mematuhi dan memastikan maklumat *callibration* digunakan oleh warga kerja.
- c. Memastikan penyimpanan ubat-ubatan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.
- d. Memastikan peralatan serta bekalan ubat-ubatan sentiasa mencukupi.
- e. Memeriksa tarikh luput ubat-ubatan dan mengambil tindakan sekiranya perlu.

4.3.3 Fungsi Kajian dan Penyelidikan

- a. Merancang dan menjalankan aktiviti penyelidikan yang telah dikenal pasti.

4.4 Jururawat Gred U41/ U42

4.4.1 Aspek Klinikal dan Penguatkuasaan

- a. Pemantauan Kejururawatan.
- b. Mengawal selia perawatan dengan melakukan rondaan ke wad/ klinik/ unit berjadual untuk memantau keberkesanan perawatan, peralatan dan keselamatan pelanggan.

- c. Menjalankan pemantauan perkhidmatan amalan kejururawatan di peringkat hospital dan menentukan projeksi Kejururawatan.
- d. Menghasilkan imej berkualiti mengikut piawaian yang ditetapkan.
- e. Memperkukuhkan amalan kejururawatan, program perubatan dan latihan.

4.4.2 Aspek Pengurusan dan Penyeliaan

- a. Merancang perkhidmatan kejururawatan dan perawatan selari dengan aliran sains dan teknologi juga konsep terkini.
- b. Menyelia pembentukan dan pembangunan kerjaya kejururawatan melalui latihan dan kursus dalam perkhidmatan, penyelidikan dan pembangunan.
- c. Tugas-tugas penglibatan dalam polisi, peraturan, pengurusan dan sumbangan aktiviti peningkatan perkhidmatan hospital.
- d. Merancang keperluan anggota kejururawatan mengikut aktiviti serta mengagihkan jururawat mengikut kepakaran dan keperluan hospital serta tahap perawatan pesakit.

4.4.3 Kawalan Mutu/ Kawalan Infeksi

- a. Merancang lawatan penyeliaan untuk memastikan amalan kejururawatan dijalankan mengikut piawaian.
- b. Memastikan perawatan dilakukan berpandukan *Standard Operating Procedures (SOP)* - menentukan protokol dan garis panduan dalam prosedur kejururawatan dipraktikkan.
- c. Menyelaras program *Quality Assurance* di peringkat hospital.
- d. Mengenal pasti kawasan yang mengalami kelemahan dalam kualiti dan mengambil tindakan pembaikan serta penyediaan laporan.
- e. Kawalan infeksi - memastikan semua anggota kejururawatan mendapat latihan dalam kawalan infeksi serta memantau dan menilai keberkesanan kawalan infeksi di hospital.
- f. Menjalankan kajian infeksi dari semasa ke semasa.

- g. Menilai beban kerja dan kemahiran anggota kejururawatan dalam menjalankan tugas.

4.4.4 Latihan Kejururawatan

- a. Merancang dan menyelaras Latihan kursus yang diperlukan oleh anggota Kejururawatan di peringkat hospital.
- b. Menyelaras latihan amali kejururawatan di antara Kolej Kejururawatan, Hospital dan Klinik Kesihatan.
- c. Menjadi ahli jawatankuasa latihan kejururawatan di peringkat hospital untuk memantau latihan kejururawatan (Basik/ Pos Basik/ Peralihan).
- d. Merancang dan menyelaras kajian/ penyelidikan di hospital dan kesihatan daerah.
- e. Menjalankan kajian kejururawatan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kejururawatan.
- f. Memantau dan merancang pengendalian *CPD* untuk jururawat di peringkat hospital.

4.5 Jururawat Gred U44

4.5.1 Aspek Klinikal dan Penguatkuasaan

- a. Menjalankan pemantauan perkhidmatan amalan kejururawatan dan menentukan projeksi kejururawatan di peringkat negeri.
- b. Menghasilkan imej berkualiti mengikut piawaian yang ditetapkan.
- c. Memperkukuhkan amalan kejururawatan, program perubatan dan latihan. Setiap Jururawat wajib berdaftar dengan Lembaga Jururawat seperti yang tertakluk dalam Akta Jururawat (1950) dan Peraturan pendaftaran 1985 dan Akta Bidan (1966) (Pindaan 1990).
- d. Merancang strategi bagi memperkukuhkan amalan kejururawatan dalam Program Perubatan, Kesihatan dan Latihan Kejururawatan.

4.5.2 Aspek Pengurusan dan Penyeliaan

- a. Merancang dan menyediakan anggaran belanjawan untuk aktiviti kejururawatan di peringkat negeri.
- b. Merancang perkhidmatan kejururawatan dan perawatan di peringkat negeri supaya selari dengan aliran sains dan teknologi juga konsep terkini.
- c. Menyelia pembentukan dan pembangunan kerja kejururawatan melalui latihan dan kursus dalam perkhidmatan, penyelidikan dan pembangunan.
- d. Tugas-tugas penglibatan dalam polisi, peraturan, pengurusan dan sumbangan aktiviti peningkatan perkhidmatan hospital.
- e. Merancang keperluan dan justifikasi sumber manusia anggota kejururawatan mengikut aktiviti serta mengagihkan jururawat mengikut kepakaran dan keperluan hospital dan tahap perawatan pesakit.
- f. Mengenal pasti dan mengurus kebijakan serta perkembangan kerjaya anggota kejururawatan.
- g. Merancang dan menyediakan anggaran belanjawan.
- h. Menyedia keperluan dan justifikasi sumber manusia dalam dasar baru dan sedia ada.

4.5.3 Kawalan Mutu

- a. Merancang lawatan penyeliaan untuk memastikan amalan kejururawatan dijalankan mengikut piawaian.
- b. Memastikan perawatan dilakukan berpandukan *Standard Operating Procedures (SOP)* - menentukan protokol dan garis panduan dalam prosedur kejururawatan dipraktikkan.
- c. Menyelaras program *Quality Assurance* di peringkat negeri: memantau dan mengkaji laporan (*NIA/HAS/DSA*) dari hospital dan daerah enam (6) bulan sekali.
- d. Mengenal pasti kawasan yang mengalami kelemahan dalam kualiti dan mengambil tindakan pembaikan serta penyediaan laporan.
- e. Mengenal pasti indikator kejururawatan untuk pemantauan dan auditan.

- f. Kawalan infeksi - memantau dan menilai keberkesanan kawalan infeksi di peringkat hospital dan daerah.
- g. Menilai beban kerja dan kemahiran anggota kejururawatan dalam menjalankan tugas.

4.5.4 Latihan Kejururawatan

- a. Merancang dan menyelaras kursus yang diperlukan oleh anggota kejururawatan di peringkat negeri.
- b. Menyelaraskan latihan amali kejururawatan di antara Kolej Kejururawatan, Hospital dan Klinik Kesihatan.
- c. Mengenal pasti keperluan dan merancang:
 - i. *Continuous Professional Development (CPD)*.
 - ii. merancang keperluan tahap kecekapan bagi anggota kejururawatan.
- d. Merancang dan menjalankan aktiviti penyelidikan yang telah dikenal pasti.

4.6 Jururawat Gred U48

- 4.6.1 Pembentukan dan pelaksanaan polisi-polisi kejururawatan, pemantauan dan mengawal selia.
 - a. Mengadakan pemeriksaan, lawatan, pengawasan dan khidmat nasihat serta aktiviti pemantauan.
 - b. Menjalankan tugas-tugas penyiasatan terhadap aduan-aduan kejururawatan.
 - c. Membentuk polisi-polisi dan prosedur pelaksanaan program kejururawatan berterusan.
 - d. Memperkukuhkan program kualiti dalam bidang kejururawatan seperti ISO 9000, Akreditasi, budaya korporat, profesionalisme, kerja berpasukan dan penyayang.
 - e. Pembentukan polisi bagi program perkembangan *Continuous Professional Development (CPD)* kejururawatan.

4.6.2 Pengurusan dan Penyeliaan

- a. Mengkaji, menyelaraskan penggunaan dan pengagihan sumber manusia.
- b. Membuat syor tentang keperluan sumber manusia peringkat nasional.
- c. Mewujudkan pangkalan data untuk mengumpul penyelidikan peringkat nasional.

4.6.3 Aspek Penyelarasan

- a. Menentukan semua strategi kejururawatan tidak bercanggah, aktiviti-aktiviti tidak bertindih dan perkara penting tidak tertinggal.

4.6.4 Kawalan Mutu

- a. Merancang lawatan penyeliaan untuk memastikan amalan kejururawatan dijalankan mengikut piawaian yang ditetapkan.
- b. Memastikan perawatan dilakukan berpandukan *Standard Operating Procedure (SOP)* - menentukan protokol dan garis panduan dalam prosedur kejururawatan dipraktikkan.
- c. Menyelaraskan program "*Quality Assurance*" di peringkat kebangsaan: Menerima laporan (*NIA/ HAS/ DSA*) dari Jabatan Kesihatan Negeri enam (6) bulan sekali.
- d. Mengenal pasti kawasan yang mengalami kelemahan dalam kualiti dan mengambil tindakan pembaikan serta penyediaan laporan.
- e. Mengenal pasti indikator kejururawatan untuk pemantauan dan editan.
- f. Memantau dan menilai keberkesanan kawalan infeksi di peringkat hospital dan daerah.
- g. Menilai beban kerja dan kemahiran anggota kejururawatan dalam menjalankan tugas.

4.6.5 Latihan dan Penyelidikan

- a. Memberi nasihat tentang perkembangan program latihan serta pendidikan kejururawatan.

- b. Meluluskan kurikulum latihan.
 - c. Menjalankan penyelidikan serta menerima laporan penyelidikan.
- 4.6.6 Tugas-tugas Sokongan Tugas/ Tugas Perkembangan Kejururawatan
- a. Menyediakan kertas kerja untuk perkembangan kerjaya kejururawatan.
 - b. Memberi laporan berkaitan kejururawatan.
- 4.6.7 Pembangunan Kejururawatan
- a. Merancang aktiviti-aktiviti pembangunan kejururawatan di peringkat kebangsaan dan negeri.
 - b. Memberi nasihat tentang perancangan sumber manusia semasa serta keberkesanan dan penilaian program.
 - c. Mengenal pasti, menyelaras dan memberi input mengenai aktiviti kejururawatan.
 - d. Memberi nasihat tentang penyelidikan yang berterusan.

4.7 Jururawat Gred U52

- a. Merangka, menyelaras dan menentukan agenda penyelidikan bidang kejururawatan, mempelopori penyelidikan dan analisis kajian secara mendalam di peringkat tempatan, kebangsaan dan antarabangsa serta menyebarkan hasil kajian.
- b. Bertanggungjawab terhadap pengurusan strategi institusi/ jabatan yang diterajui.
- c. Menentukan pengagihan peruntukan kewangan.
- d. Memberi khidmat perundingan secara teknikal.
- e. Menggunakan data dan maklumat berdasarkan bukti berkaitan keselamatan, keberkesanan dan kos efektif untuk menilai penggunaan teknologi perubatan dan intervensi kejururawatan.
- f. Memastikan sistem kualiti dan perkhidmatan perawatan kejururawatan sentiasa terjamin.

- g. Menentukan dasar dan hala tuju institusi/ jabatan yang diterajui melalui:
 - i. mengenal pasti ancaman semasa dan akan datang terhadap kesihatan.
 - ii. membangunkan polisi dan perundangan bagi menentukan keberkesanan amalan kejururawatan.
 - iii. membentuk dan menilai perancangan untuk melindungi amalan kejururawatan.
- h. Bertanggungjawab dalam pengawasan amalan kejururawatan seperti berikut:
 - i. pendaftaran - Jururawat Tempatan dan Jururawat Asing.
 - ii. peperiksaan untuk berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia.
 - iii. terlibat dalam Jawatankuasa Pendidikan dan Pelajaran.

4.8 Jururawat Gred U54

4.8.1 Menggubal Polisi dan Program Kejururawatan.

- a. Merancang, menggubal dan mengkaji polisi perkembangan perkhidmatan kejururawatan serta pembangunan perkhidmatan kepakaran.
- b. Menilai dan menggubal polisi berkaitan penyelidikan teknologi baru dalam perkhidmatan perawatan kejururawatan.
- c. Menetapkan piawaian dan norma bagi menjamin kualiti program kejururawatan.
- d. Merancang, menggubal, menetapkan polisi dan menentukan tahap kepentingan berkaitan dengan pelaksanaan *Quality Assurance* dan *Total Quality Management* di bawah program kejururawatan.
- e. Merancang dan menyelaraskan aktiviti pendidikan kejururawatan berterusan serta merancang pembangunan kerjaya bagi jururawat yang bertugas dalam bidang klinikal.
- f. Membangunkan sistem akreditasi bagi menjamin kualiti perkhidmatan kejururawatan di hospital dan klinik.

- g. Bertanggungjawab dalam menentukan piawaian yang setaraf dikekalkan di semua peringkat perkhidmatan kejururawatan.
- h. Merancang, melaksana dan menilai aktiviti penguatkuasaan undang-undang seperti yang diperuntuk dalam Akta Jururawat dan Akta Bidan serta peraturan-peraturan lain yang berkaitan.

4.8.2 Pengawalan dan Penyelarasan

- a. Menyelaras perkhidmatan jururawat klinikal dan bukan klinikal.
- b. Mengumpul data yang berkenaan berhubung kajian perkhidmatan kejururawatan di hospital dan klinik.
- c. Membantu dalam penyediaan anggaran dasar baru serta belanjawan bagi program kejururawatan.
- d. Mentadbir Bahagian Perkembangan Kejururawatan berkaitan belanjawan dan pengurusan.
- e. Memberi bimbingan, panduan dan membaiki prestasi pegawai yang bertugas dalam bidang kejururawatan.

4.8.3 Pengurusan

- a. Menilai dan membuat keputusan dasar berkaitan keperluan tenaga manusia, aktiviti perawatan program kejururawatan.
- b. Merancang penempatan tenaga manusia dalam Bahagian Perkembangan Kejururawatan di hospital dan klinik.
- c. Menetapkan program aktiviti pendidikan serta jadual kursus dalam dan luar negeri untuk jururawat.
- d. Merancang anggaran belanjawan untuk modus operasi serta dasar baru dan mengawal perbelanjaan mengikut peruntukan yang ditetapkan.
- e. Mengkaji pencapaian, sasaran aktiviti dan kajian pengeluaran serta spesifikasi *output*.

4.8.4 Aspek Teknikal dan Profesional

- a. Mewakili Ketua Pengarah Kesihatan sebagai pengerusi dalam mesyuarat Lembaga Jururawat dan Lembaga Bidan semasa ketiadaan beliau.

- b. Menghadiri mesyuarat dalaman kementerian sebagai ahli tetap:
 - i. Mesyuarat Pos Kabinet.
 - ii. Mesyuarat Ketua Setiausaha KKM.
 - iii. Mesyuarat Ketua Pengarah Kesihatan, Pengarah Program dan Pengarah Negeri.
 - iv. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pendidikan.
 - v. Persidangan Anggaran Belanjawan.
- c. Mempengerusikan mesyuarat:
 - i. Jawatankuasa Persediaan Norma Perjawatan Kejururawatan.
 - ii. Jawatankuasa Kurikulum Kejururawatan.
 - iii. Jawatankuasa Pendidikan & Pelajaran.
- d. Penyediaan kertas kerja
 - i. merangka dan menyelia draf ucapan dan bahan-bahan lain untuk Ketua Pengarah Kesihatan.
 - ii. merangka dan menyelia laporan atau maklum balas kepada Kabinet dan/ atau Parlimen.
 - iii. menyelaraskan aliran keluar maklumat sebagai jawapan kepada media massa berkaitan bidang kejururawatan.
- e. Memberi input tentang amalan kejururawatan baik, etika, standard dan kriteria profesyen, *medico-legal* berhubung latihan dan perkhidmatan pengamal-pengamal perubatan bagi tujuan penambahbaikan kualiti perkhidmatan yang berterusan seperti pendidikan kejururawatan berterusan dan *Standard Opening Procedures*.
- f. Mengurus dan mentadbir perkhidmatan sekretariat kepada badan-badan berstatus di bawah Bahagian Kejururawatan.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pegawai di unit yang sama.
- b. Pegawai di unit lain di dalam organisasi yang sama.
- c. Pihak pengurusan atasan kementerian.
- d. Pengarah Amalan Perubatan.
- e. Majlis Perubatan Malaysia
- f. Lembaga Pembantu Perubatan.
- g. Lembaga Optik.

Luaran

- a. Komuniti.
- b. Jabatan kerajaan dan agensi-agensi lain.
- c. *International Congress of Nurse (ICN).*
- d. *International Congress of Midwives (ICM).*
- e. Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).
- f. Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).
- g. Lembaga Akreditasi Negara (LAN).
- h. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
- i. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat (di lapangan).

Sumber : Lampiran C, C1, C2, C3, C4, C5 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2005.
Lampiran A2, A3 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 27 Tahun 2005.